

BAB 4

ANALISIS PENYIMPANGAN BAHASA

DI HADAPAN PULAU

4.1 PENDAHULUAN

Bab 4 ini mengemukakan analisis penyimpangan bahasa yang terdapat di dalam novel *Di Hadapan Pulau* oleh A. Samad Said. Analisis penyimpangan bahasa dalam bab ini berdasarkan sampel yang diperoleh daripada teks kajian. Oleh itu, penyimpangan bahasa yang dianalisis tidak semestinya sama dengan penyimpangan bahasa yang dianalisis dalam Bab 3. Walau bagaimanapun, dalam Bab 5 kelak, akan dihuraikan perbandingan dapatan antara penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru* dengan penyimpangan bahasa dalam *Di Hadapan Pulau*.

4.2 BENTUK PENYIMPANGAN

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 1, bab yang dipilih untuk dianalisis ialah

- a) Bab 6, halaman 52 hingga halaman 64, dan
- b) Bab 11, halaman 113 hingga halaman 127.

Sejumlah 48 penyimpangan bahasa diperoleh daripada sumber data dan daripada jumlah ini, terdapat 5 pola atau jenis penyimpangan bahasa yang dikesan. Pola atau jenis penyimpangan itu adalah seperti yang berikut :

- a) Bentuk Jamak
- b) Kata Pemeri
- c) Kata Sendi Nama
- d) Morfologi/Pengimbuhan
- e) Penyimpangan Sintaksis

Kesemua pola atau jenis penyimpangan bahasa di atas, berserta kekerapan dan peratusannya ditunjukkan dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Pola atau Jenis Penyimpangan Bahasa *Di Hadapan Pulau*

Bil.	Pola/Jenis Penyimpangan	Kekerapan	Peratus
1.	Morfologi/Imbuhan	11	22.92
2.	Kata Sendi Nama	11	22.92
3.	Kata Pemerl	1	2.08
4.	Bentuk Jamak	3	6.25
5.	Penyimpangan Sintaksis	22	45.83
	Jumlah	48	100

Dengan berpandukan jadual 4.1, jelas bahawa penyimpangan sintaksis merupakan bentuk penyimpangan bahasa yang paling tinggi kekerapannya jika dibandingkan dengan bentuk penyimpangan bahasa yang lain, iaitu sebanyak 45.83%. Kemudian ini diikuti oleh penyimpangan imbuhan yang mempunyai peratusan sebanyak 22.92%, KSN 22.92%, bentuk jamak 6.25%, dan kata pemeri sebanyak 2.08%.

Dalam perbincangan seterusnya, setiap pola penyimpangan bahasa itu akan disenaraikan. Pada peringkat ini, akan dibincangkan dan diuraikan sebab

musabab penyimpangan itu berlaku berpandukan bahan yang disenaraikan dalam Bab 1. Setelah perbincangan ini dilaksanakan, dikemukakan pembetulan bagi setiap penyimpangan tersebut.

4.3 POLA ATAU JENIS PENYIMPANGAN BAHASA dan KEKERAPANNYA

Konsep, ciri, dan kriteria penyimpangan bahasa *Di Hadapan Pulau* adalah sama seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3. Berikut disenaraikan bentuk penyimpangan bahasa yang diperoleh daripada sampel dan kemudian diuraikan sebab musabab penyimpangan itu berlaku, dan disertakan pembetulannya sekali.

4.4 PENYIMPANGAN MORFOLOGI (IMBUHAN)

Hasil analisis sampel, terdapat 11 bentuk penyimpangan imbuhan yang didapati. Penyimpangan morfologi melibatkan penyimpangan imbuhan awalan, imbuhan apitan, dan imbuhan akhiran.

Jadual 4.4 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Imbuhan

Bentuk Penyimpangan <hr/>	Novel	Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	
Awalan	7	63.66	
Akhiran	2	18.18	
Apitan	2	18.18	
Sisipan	-	-	
Jumlah	11	100%	

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3, proses pengimbuhan ialah proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Pengimbuhan akan melahirkan bentuk perkataan yang disebut kata terbitan. Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat. Imbuhan perlu diimbuhkan pada bentuk yang lain yang merupakan kata dasar. Pembahagian imbuhan tidak dijelaskan kerana telah pun diuraikan dalam Bab 3. Yang berikut merupakan penyimpangan imbuhan yang diperoleh dalam *Di Hadapan Pulau* :

1. Semakin yakin dia bahawa perbuatan Syed Zuhri menjual ubat dan hikmat asmara, *kahwin* beberapa kali dan cuba membeli tanah secara tipu helah, adalah perbuatan yang terkutuk. (b 6, h. 54.15)

Dalam ayat 1, kata *kahwin* tidak sesuai digunakan. Kata itu sepatutnya diberi imbuhan *ber-* supaya dapat berfungsi sebagai kata kerja tak transitif tanpa pelengkap. Oleh itu, *ber- + kahwin = berkahwin.*

1a. Semakin yakin dia bahawa perbuatan Syed Zuhri menjual ubat dan hikmat asmara, *berkahwin* beberapa kali dan cuba membeli tanah secara tipu helah, adalah perbuatan yang terkutuk.

2. Sepatutnya dia dapat turut *mengembang* dan menyebarkan semangat gerakan reformasi Islam; (b 6, h. 54.18)

Dalam ayat 2, kata *mengembang* tidak tepat penggunaan imbuhannya. Berdasarkan binaan frasa ayat tersebut, iaitu *mengembang dan menyebarkan semangat*, sepatutnya menerima imbuhan yang sama dengan perkataan yang mendahuluinya, iaitu *menyebarkan*. Mengikut peraturan, penggunaan akhiran *-kan* perlu dikekalkan pada perkataan pertama apabila dua perkataan yang diimbuhkan dengan akhiran *-kan* itu digabungkan ke dalam satu predikat.¹

Oleh itu, penggunaan imbuhan yang betul adalah seperti yang berikut :

2a. Sepatutnya dia dapat turut *mengembangkan* dan *menyebarkan* semangat gerakan reformasi Islam;

¹Arbak Othman. 1987. "Masalah Kenahanan dan Kesalahan Ayat". Dalam Abdullah Hassan *et al.* *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 320.

3. Tapi, dia *merasa* senang juga bahawa setidak-tidaknya ada beberapa orang tua yang dapat berkumpul dan berbincang tentang agama dan sejarah selepas atau sementara menanti waktu untuk *sembahyang*. (b 6, h. 54.28)

Dalam ayat 3, penggunaan kata *merasa* tidak sesuai digunakan. Menurut *Kamus Dewan*, kata *merasa* membawa maksud *mengalami rasa dengan lidah, manakala berasa bermaksud mengalami rasa di dalam hati.*² Dengan itu, kata tersebut sepatutnya menerima imbuhan *ber-*. Menurut *Tatabahasa Dewan*, apabila imbuhan *ber-* bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r*, dua *r* yang bergabung itu akan berubah menjadi satu *r* melalui satu proses yang dikenali sebagai proses *peleburan fonem*.³ Di samping itu, kata *sembahyang* yang digunakan dalam ayat di atas tidak tepat penggunaannya. Menurut konteks ayat, kata *sembahyang* berfungsi sebagai kata kerja dan bukannya sebagai kata nama. Oleh itu, kata *sembahyang* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan KK *ber-* agar berfungsi sebagai KK. Dengan itu, *ber- + sembahyang = bersembahyang* yang bermaksud *melakukan sembahyang atau perbuatan menyembah Allah*.⁴

²*Kamus Dewan*. 2000. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1106.

³Nik Safiah Karim et al. 1997. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 156.

⁴*Kamus Dewan*. Hlm. 1229.

3a. Tapi, dia *berasa* senang juga bahawa setidak-tidaknya ada beberapa orang tua yang dapat berkumpul dan berbincang tentang agama dan sejarah selepas atau sementara menanti waktu untuk *bersembahyang*.

4. Dia hanya membawa pulang dua kampit beras dan *bungkus* besar sayur-sayuran – itu pun hampir dirampas orang di jalanan. (b 6, h. 56.6)

Dalam ayat ini kata *bungkus* yang digunakan tidak sesuai. Menurut *Kamus Dewan*, *bungkus* bermaksud *bahan untuk membalut sesuatu*.⁵ Menurut konteks ayat, kata *bungkus* diikuti dengan kata *besar* (*bungkus + besar*). Berdasarkan pengertian di atas, kata *bungkus* tidak sesuai digunakan. Kata *bungkus* berfungsi sebagai KK. Dalam konteks ini, kata *bungkus* tidak berfungsi sebagai KK. Oleh itu, *bungkus* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan akhiran *-an* untuk membentuk kata nama terbitan *bungkusan* yang bermaksud *benda yang dibungkus*. Dengan itu, *bungkus + -an = bungkusan*. Ayat yang betul ialah:

4a. Dia hanya membawa pulang dua kampit beras dan *bungkusan* besar sayur-sayuran – itu pun hampir dirampas orang di jalanan.

5. Memang benar dia sudah hampir tidak *pedulikan* rumah, tidak pulang berhari-hari, dan sesekali pulang mabuk dan sentiasa berang. (b 6, h. 63.4)

⁵ *Ibid.* Hlm. 190.

Dalam ayat ini, kata *pedulikan* tidak tepat penggunaan imbuhananya. Kata yang tepat ialah *mempedulikan* yang membawa maksud *mengambil perhatian atau mengendahkan*.⁶ Berdasarkan struktur ayat, kata dasar *peduli* sepatutnya dikenakan imbuhan *mem-...-kan*, iaitu *mem-* + *peduli* + *-kan* = *mempedulikan*. Kata *pedulikan* lazim dan meluas digunakan dalam pertuturan dan penggunaan yang tidak formal. Ayat yang betulnya ialah :

- 5a. Memang benar dia sudah hampir tidak *mempedulikan* rumah, tidak pulang berhari-hari, dan sesekali pulang mabuk dan sentiasa berang.
6. Dia berbaris *sungguh-sungguh* seperti sojar. (b 6, h. 64.13)

Kata *sungguh-sungguh* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. Kata *sungguh-sungguh* dalam ayat ini sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan KK *ber-*. Dengan ini, *ber-* + *sungguh-sungguh* = *bersungguh-sungguh* yang bermaksud *dengan segenap hati, dengan penuh minat atau tidak main-main*.⁷ Ayat yang betul ialah:

- 6a. Dia berbaris *bersungguh-sungguh* seperti sojar.
7. Dia pernah *dengar* Aziz mempunyai seorang adik — Md. Nor — di kampung dan Afidah tidak pernah melihatnya. (b 11, h. 116.31)

⁶ *Ibid.* Hlm. 994.

⁷ *Ibid.* Hlm. 1321.

Kata *dengar* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. Kata ini sering digunakan dalam situasi yang tidak formal. Tetapi dalam konteks ini, kata *dengar* semestinya diimbuhkan dengan imbuhan KK *men-*, iaitu *men- + dengar = mendengar* yang bermaksud *menangkap dengan telinga atau mendapat tahu*.⁸

Yang berikut ialah ayat yang betul

- 7a. Dia pernah *mendengar* Aziz mempunyai seorang adik – Md. Nor – di kampung dan Afidah tidak pernah melihatnya.
8. Afidah paling *hati-hati*, tidak putus-putus memandang sekeliling, terutama di kubur lama yang lain, di belakang semak samun di kiri mereka. (b 11, h. 120.8)

Dalam ayat 8, kata *hati-hati* tidak tepat penggunaannya. *Kamus Dewan* mentakrifkan *hati-hati* sebagai *sejenis tumbuhan yang berupa pokok renek yang daunnya dibuat ubat sakit perut*.⁹ Menurut konteks ayat, *hati-hati* yang dimaksudkan ialah KK *berhati-hati* yang bermaksud *memberikan perhatian yang teliti, berawas-awas atau beringat-ingat*. Dengan itu, *ber- + hati-hati = berhati-hati*. Ayat di bawah merupakan ayat yang betul.

- 8a. Afidah paling *berhati-hati*, tidak putus-putus memandang sekeliling, terutama di kubur lama yang lain, di belakang semak samun di kiri mereka.

⁸ *Ibid.* Hlm. 290.

⁹ *Ibid.* Hlm. 446.

9. Aziz mengangguk-angguk, tidak tahu sama ada ingin *gembira* ataupun *sedih*.
(b 11, h. 121.29)

Dalam ayat ini, kata adjektif *gembira* dan *sedih* tidak sesuai digunakan tanpa diletak dengan imbuhan yang sesuai. Berdasarkan konteks ayat, kata adjektif *gembira* dan *sedih* berfungsi sebagai KK. Oleh itu, kedua-dua kata adjektif ini sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan KK *ber-*, iaitu *ber- + gembira* = *bergembira* dan *ber- + sedih* = *bersedih*. *Bergembira* bermaksud *sangat suka*,¹⁰ manakala *bersedih* bermaksud *berasa susah atau berduakacita*.¹¹ Ayat yang betul adalah seperti yang di bawah :

9a. Aziz mengangguk-angguk, tidak tahu sama ada ingin *bergembira* ataupun *bersedih*.

10. Aziz menggeleng-geleng tapi di kepalanya dia masih lagi ternampak Rosiah yang selama ini *dikenal* alim dan *sopan santun*. (b 11, h. 122.1)

Dalam ayat 10, terdapat dua perkataan yang tidak tepat penggunaannya, iaitu *dikenal* dan *sopan santun*. KK *dikenal* sepatutnya menerima imbuhan apitan *di-*...*i*. Dengan itu, *di- + kenal + -i* = *dikenali*. Kata *sopan santun* pula sepatutnya

¹⁰ *Ibid.* Hlm. 387.

¹¹ *Ibid.* Hlm. 1205.

diimbuhkan dengan imbuhan KK, iaitu *ber-*. Oleh itu, *ber- + sopan = bersopan* yang bermakna *berbudi bahasa, beradab.*¹²

10a. Aziz menggeleng-geleng tapi di kepalanya dia masih lagi ternampak Rosiah yang selama ini *dikenali alim dan bersopan santun.*

11. Kali terakhir, kalau tidak silap, di situlah dia *tinggalkan* adiknya, Ainon. (b 11, h. 126.15)

Dalam ayat 11, kata *tinggalkan* tidak tepat penggunaannya. Menurut konteks ayat, kata tersebut sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan apitan *me- ... -kan* supaya berfungsi sebagai KKT. Dengan itu, *me- + tinggal + -kan + meninggalkan* yang bermaksud *membiarkan sahaja pada tempatnya, tidak membawa pergi.*¹³

11a. Kali terakhir, kalau tidak silap, di situlah dia *meninggalkan* adiknya, Ainon.

¹² *Ibid.* Hlm. 1299.

¹³ *Ibid.* Hlm. 1452.

4.5 PENYIMPANGAN KATA SENDI NAMA

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan ialah *di, ke, dari, daripada, antara, dalam, pada, kepada* dan lain-lain. Setiap *kata sendi nama* itu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan-peraturan yang khusus. Tambahan lagi antara kata sendi nama itu terdapat juga beberapa bentuk yang menganggotai golongan kata yang lain, seperti *akan* juga berfungsi sebagai kata bantu, *dalam* juga berfungsi sebagai *kata nama arah* dan *kata adjektif, sampai* juga berfungsi sebagai *kata kerja* dan *antara* juga berfungsi sebagai *kata nama arah*.¹⁴ Merujuk penyimpangan kata sendi nama, dapatkan analisis menunjukkan bahawa terdapat beberapa penyimpangan kata sendi nama yang telah diperoleh. Antaranya termasuklah penyimpangan penggunaan *dari* dan *daripada*, *di*, *antara* dan *di antara*. Berikut disenaraikan dan diuraikan penyimpangan kata sendi nama yang dinyatakan di atas.

¹⁴ Nik Safiah Karim et al. *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 252.

Jadual 4.5 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan KSN

Novel Bentuk Penyimpangan	Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus
Dari dan daripada	9	81.82
Antara dan di antara	1	9.09
Di	1	9.09
Jumlah	11	100%

4.5.1 PENYIMPANGAN DARI DAN DARIPADA

Kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, atau waktu atau masa. Ciri ini membezakannya daripada kata sendi nama *daripada* yang hanya digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan atau benda, asal kejadian dan sumber, atau unsur perbandingan atau perbezaan.¹⁵ Penyimpangan penggunaan *dari* dan *daripada* adalah seperti yang berikut :

¹⁵ Ibid. Hlm. 254.

1. ... bantahan *dari* dua tiga orang tua lainnya, mendorong mereka untuk membuat *shelter* yang lain. (b 6, h. 52.19)
 - 1a. ... bantahan *daripada* dua tiga orang tua lainnya, mendorong mereka untuk membuat *shelter* yang lain.
2. Syed Zuhri lebih terpelajar *darinya*, dan seorang pensyarah yang baik juga. (b 6, h. 54.17)
- 2a. Syed Zuhri lebih terpelajar *daripadanya*, dan seorang pensyarah yang baik juga.
3. Cuma Tuk Marzuki, pada hematnya, terlepas *dari* kisah-kisah wayang atau filem. (b 6, h. 55.6)
 - 3a. Cuma Tuk Marzuki, pada hematnya, terlepas *daripada* kisah-kisah wayang atau filem.
4. *Darinya* dapat dipetik kisah-kisah sejarah yang kebetulan amat digemari sendiri oleh Syed Fikri. (b 6, h. 55.7)
 - 4a. *Daripadanya* dapat dipetik kisah-kisah sejarah yang kebetulan amat digemari sendiri oleh Syed Fikri.
5. Melalui perbualannya dengan Tuk Marzuki baru dia mengetahui bahawa Parameswara itu berasal *dari* anak raja Sumatera (b 6, h. 55.10)

- 5a. Melalui perbualannya dengan Tuk Marzuki baru dia mengetahui bahawa Parameswara itu berasal *daripada* anak raja Sumatera
6. Sekurang-kurangnya dia belajar menjerang air *dari* orang tua itu ; sekurangnya dia belajar bercucuk tanam dengan orang tua itu. (b 6, h. 59.31)
- 6a. Sekurang-kurangnya dia belajar menjerang air *daripada* orang tua itu ; sekurangnya dia belajar bercucuk tanam dengan orang tua itu. . .
7. Kadang-kadang dia sendiri tidak tahu mengapa Joyah perlu menerima saja seksaan *dari* seorang suami yang sama sekali tidak bertanggungjawab. (b 6, h. 62.1)
- 7a. Kadang-kadang dia sendiri tidak tahu mengapa Joyah perlu menerima saja seksaan *daripada* seorang suami yang sama sekali tidak bertanggungjawab.
8. Dia *turun rumah*, berjalan hampir letih (walaupun kenyang sedikit), dan mendapati Aziz masih duduk bersandar di tepi dinding rumah Dorani. (b 11, h. 123.5)
- 8a. Dia *turun dari rumah*, berjalan hampir letih (walaupun kenyang sedikit), dan mendapati Aziz masih duduk bersandar di tepi dinding rumah Dorani.
9. Dia berjalan masih berhati-hati, melalui semak samun yang semakin menjadi, mengelakkan kaki *dari* duri-duri semalu. (b 11, h. 123.23)

9a. Dia berjalan masih berhati-hati, melalui semak samun yang semakin menjadi, mengelakkan kaki *daripada* duri-duri semalu.

4.5.2 PENYIMPANGAN SENDI NAMA DI

Kata sendi nama *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Kata sendi nama ini ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.¹⁶ Hanya satu sahaja penyimpangan sendi nama *di*, iaitu

1. Madrasah *tepi* sekolah tu dah lama tak terpakai. (b 6, h. 61.1)

Kata *tepi* dalam ayat ini tidak betul penggunaannya. Menurut konteks ayat, kata *tepi* tidak boleh berdiri sendiri. Kata tersebut mesti diikuti dengan kata sendi *di* yang menunjukkan arah. Dengan itu, ayat yang betul adalah seperti yang berikut:

- 1a. Madrasah *di* *tepi* sekolah tu dah lama tak terpakai.

¹⁶ *Ibid.* Hlm. 252.

4.5.3 PENYIMPANGAN SENDI NAMA DI ANTARA dan ANTARA

Sebagai kata sendi nama, kata *antara* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai jarak atau ruang.¹⁷ Di samping itu, kata *antara* juga termasuk dalam golongan kata arah, iaitu sejumlah perkataan yang hadir sebelum frasa nama dan lazimnya sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau jurusan.¹⁸ Yang berikut ialah penyimpangan sendi nama *di antara*.

1. Tidak seorang pun *di antara* mereka yang sedar Afidah datang tiba-tiba itu.

(b 6, h.57.10)

1a. Tidak seorang pun *antara* mereka yang sedar Afidah datang tiba-tiba itu.

4.6 PENYIMPANGAN KATA PEMERI

Penggunaan kata pemerl *ialah* secara persamaan atau ekuatif hadir di hadapan frasa nama, manakala penggunaan kata pemerl *adalah* secara huraiian atau kualitatif hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Pada umumnya kata pemerl tidak boleh hadir bersama-sama kata nafi, namun demikian terdapat kekecualian, iaitu kata *pemerl* boleh wujud dalam binaan kata nafi dan frasa

¹⁷ *Ibid.* Hlm. 270.

¹⁸ *Ibid.* Hlm. 271.

adjektif. Penggunaan kata *pemeri* amat terbatas, dan kurang digalakkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu. Kata *pemeri* juga tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.¹⁹

Jadual 4.6 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Pemeri

Bentuk Penyimpangan	Novel	Di Hadapan Pulau	Kekerapan	Peratus
Kata Pemeri		1		2.04

1. Semakin yakin dia bahawa perbuatan Syed Zuhri menjual ubat dan hikmat asmara, kahwin beberapa kali dan cuba membeli tanah secara tipu helah *adalah* perbuatan yang terkutuk. (b 6, h. 54.16)
- 1a. Semakin yakin dia bahawa perbuatan Syed Zuhri menjual ubat dan hikmat asmara, kahwin beberapa kali dan cuba membeli tanah secara tipu helah *ialah* perbuatan yang terkutuk.

¹⁹ *Ibid.* Hlm. 250-251.

4.7 PENYIMPANGAN BENTUK JAMAK

Menurut *Kamus Linguistik*, kata *jamak* atau kata ganda ialah kategori jumlah yang menunjukkan jumlah lebih daripada satu atau dua dalam bahasa yang mempunyai dualis.²⁰ Dalam risalah *Bahasa Malaysia dan Penyalahgunaannya* dinyatakan bahawa kesalahan umum mengenai bentuk *jamak* dalam Bahasa Malaysia ialah (i) pengulangan kata yang sudah mendukung konsep jamak, dan (ii) pengulangan kata nama yang bentuk jamaknya ditentukan oleh penggunaan kata bilangan. (iii) pengulangan semua kata dalam frasa nama. Selain itu, penggunaan *kata bilangan* yang membawa maksud pisahan dan penggunaan kata bilangan yang membawa maksud pecahan yang salah penggunaannya. Penjelasan lebih terperinci tentang bentuk jamak telah diuraikan dalam Bab 3.

Jadual 4.7 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Bentuk Jamak

Bentuk Penyimpangan	Novel	Di Hadapan Pulau	
		Kekerapan	Peratus
Bentuk Jamak	3		6.12

²⁰ *Kamus Linguistik*. Hlm. 100.

Di bawah ini disenaraikan kesalahan penggunaan bentuk *jamak* yang dapat dikesan daripada teks kajian.

1. Yang *lain-lain* - walaupun *tua-tua* - masih lagi berbual tentang pertunjukan Bolero, tentang filem Kangan atau filem Rencong Aceh. (b 6, h. 55.2)
 - 1a. Yang *lain* - walaupun *tua* - masih lagi berbual tentang pertunjukan Bolero, tentang filem Kangan atau filem Rencong Aceh.
2. Sesudah begitu terperangkap dengan pemandangan sekeliling, akhirnya Aziz sendiri tenggelam dengan *beraneka kenangan dan kilatan-kilatan peristiwa* yang pernah berlaku pada dirinya. (b 11, h. 117.18)
- 2a. Sesudah begitu terperangkap dengan pemandangan sekeliling, akhirnya Aziz sendiri tenggelam dengan *beraneka kenangan dan kilatan peristiwa* yang pernah berlaku pada dirinya.
3. *Berbagai* tafsiran mengenainya — setengah-setengahnya mengatakan dia menembak hantu (sangkanya, tapi sebenarnya dia menembak kakinya sendiri !) ; . . . (b 11, h. 120.1)

Penggunaan kata *berbagai* dalam ayat ini tidak tepat. Kata *berbagai* bererti berbanding atau ada persamaannya. Untuk berfungsi sebagai kata bilangan tak tentu, kata *berbagai-bagai* yang menunjukkan maksud jamak seharusnya digunakan.²¹ Ayat yang betul adalah seperti berikut :

3a. *Berbagai-bagai* tafsiran mengenainya — setengah-setengahnya mengatakan dia menembak hantu (sangkanya, tapi sebenarnya dia menembak kakinya sendiri !) ; . . .

4.8 PENYIMPANGAN SINTAKSIS

Yang menjadi kriteria bagi kesempurnaan ayat sebagai suatu unit bahasa yang gramatis ialah bentuknya yang sempurna dari sudut sintaksis dan maknanya yang sempurna dari sudut semantik. Tiadalah sempurna suatu ujaran itu sebagai suatu ayat jika hanya bentuknya sahaja yang sempurna ataupun hanya maknanya sahaja yang sempurna. Bahasa Melayu ialah bahasa struktural. Oleh sebab itu, kesempurnaan bentuk ayatnya bergantung pada susunan letak perkataan menurut sistem sintaksisnya yang berbeza.²²

²¹ Ismail Dahaman. 1997. *Bahasa Kita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.. Hlm. 92.

²² Asraf. 1987. "Kesalahan Dalam Penggunaan Bahasa : Frasa dan Ayat". Dalam Abdullah Hassan et al. *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Hlm. 231-232.

Bahagian ini akan mengkaji dan menganalisis penyimpangan sintaksis sama seperti penyimpangan sintaksis yang telah diuraikan dalam Bab 3. Hasil dapatan analisis, penyimpangan sintaksis dibahagikan kepada empat kategori, iaitu

- i) Ayat yang menggunakan KKT tanpa diikuti objek.
- ii) Ayat yang mempunyai dua kesalahan bahasa atau lebih.
- iii) Ayat tergantung, iaitu ayat tiada subjek atau tiada predikat.
- iv) Ayat yang mempunyai penyimpangan yang lain daripada di atas.

Pola atau jenis penyimpangan sintaksis yang sama dengan pola atau jenis penyimpangan sintaksis dalam Bab 3 tidak akan diuraikan, kecuali penyimpangan sintaksis yang lain atau penyimpangan yang berbeza dengan Bab 3. Jadual 4.8 di bawah menunjukkan jenis penyimpangan sintaksis, kekerapan dan peratusannya.

Jadual 4.8 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Sintaksis

Bentuk Penyimpangan <hr/>	Novel	Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	
i) Penyimpangan KKT tanpa objek	7	31.82	
ii) Dua kesalahan bahasa atau lebih	13	59.08	
iii) Ayat tiada subjek atau predikat	1	4.55	
iv) Ayat yang mengandung kesalahan lain	1	4.55	
Jumlah	22	100%	

Berdasarkan penjelasan di atas, di bawah ini disenaraikan kategori penyimpangan sintaksis yang telah dikesan dan diperoleh daripada sampel kajian.

4.8.1 AYAT YANG MENGANDUNG KESALAHAN PENGGUNAAN KATA KERJA TRANSITIF TANPA OBJEK

Dalam kategori ini, sejumlah 7 penyimpangan sintaksis yang diperoleh. Di bawah ini disenaraikan penyimpangan sintaksis yang melibatkan ayat yang mengandung KKT tanpa diikuti oleh objek.


1. Sebelum sempat dia menyambung lagi, Syed Fikri telah berada di hadapan mereka. (b 6, h. 58.3)

Ayat di atas tidak gramatis kerana tiada objek selepas KKT *menyambung*. Ayat di atas akan sempurna jika objek tidak diabaikan. Setelah diletakkan objek ayat itu akan berbentuk demikian.

Sebelum sempat dia menyambung kata-katanya lagi, Syed Fikri telah berada di hadapan mereka.

Ayat di atas sebenarnya telah mengalami proses transformasi, iaitu proses pendepan sebahagian predikat, iaitu melibatkan pendepan frasa keterangan. Ayat asal daripada ayat di atas ialah *Syed Fikri telah berada di hadapan mereka sebelum sempat dia menyambung kata-katanya lagi*. Ayat di atas pada asalnya ialah *Syed Fikri telah berada di hadapan mereka*. Kemudian ayat ini menerima frasa keterangan, iaitu *sebelum sempat dia menyambung kata-katanya lagi*. Frasa keterangan ini kemudiannya dibawa ke hadapan subjek ayat asal. Proses transformasi ini telah ditunjukkan pada rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 1a.



2. Sememangnya Dorani, sambil menggamt, sambil menjeritkan sesuatu. (b 6,
h. 61.9)

Ayat di atas tidak gramatis kerana tiada frasa nama atau kata nama sebagai objek selepas KKT digunakan, iaitu *menggamt*. Kata *menggamt* ialah kata kerja transitif kerana ada objek atau benda yang digamit. Merujuk rentetan cerita, objek yang sesuai selepas kata kerja *menggamt* ialah Afidah. Ayat di atas boleh digramatiskan dengan meletakkan objek selepas KKT. Ayat yang betul ialah :


Sememangnya Dorani, sambil menggamt [Afidah], sambil menjeritkan sesuatu.

Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terdiri daripada beberapa ayat tunggal, iaitu

- i) Itu sememangnya Dorani.
- ii) Dorani menggamtit [Afidah].
- iii) Dorani menjeritkan sesuatu.

Ketiga-tiga ayat di atas telah mengalami *proses pengguguran* dan *penggabungan*, seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 2a.




3. Mak Ketong pernah meramalkan. (b 11, h. 113.18)

Ayat di atas tidak gramatis kerana menggunakan KKT yang tidak diikuti oleh objek. Kata *meramalkan* dalam ayat itu berfungsi sebagai KKT. Setelah diletakkan objek, ayat itu akan menjadi ayat seperti yang berikut :

Mak Ketong pernah meramalkan [keperitan itu].

Ayat di atas merupakan ayat tunggal yang mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 3a.




4. Janji-janji Jepun tidak lagi membantu. (b 11, h. 113.21)

Ayat di atas tidak gramatis kerana menggunakan KKT yang tidak diikuti oleh objek. Oleh itu, FN objek mesti ada untuk menjadikan ayat di atas gramatis. Ayat yang gramatis adalah seperti yang di bawah :

Janji-janji Jepun tidak lagi membantu [mereka].

Ayat di atas merupakan ayat tunggal yang terdiri daripada satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Rajah pohnnya adalah seperti yang dibawah :

Rajah pohon 4a.



5. Afidah menanti, sementara Aziz berjalan lebih ke dalam, hampir tertimbus oleh lalang-lalang dan semak samun yang meninggi. (b 11, h. 120.28)

Ayat di atas tidak gramatis kerana terdapat kata *menanti* yang digunakan dalam ayat di atas ialah KKT yang sepatutnya diikuti oleh objek. Tetapi dalam ayat di atas selepas KKT *menanti* tidak diikuti oleh objek. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Afidah menanti [seseorang], sementara Aziz berjalan lebih ke dalam, hampir tertimbus oleh lalang-lalang dan semak samun yang meninggi.

Ayat di atas sebenarnya ialah ayat majmuk yang terdiri daripada tiga ayat tunggal seperti yang berikut :


- i) Afidah menanti [seseorang].
- ii) Aziz berjalan lebih ke dalam hampir tertimbas oleh lalang-lalang.
- iii) Lalang-lalang itu meninggi.
- iv) Semak samun itu meninggi.

Keempat-empat ayat di atas kemudiannya digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti dalam rajah pohon yang berikut :

Rajah pohon 5a.



Rajah pohon 5b.



Ayat di atas telah mengalami proses transformasi, iaitu *penggabungan* ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung *sementara* dan penggabungan ayat tunggal (iii) dengan ayat tunggal (iv) dengan menggunakan kata hubung *dan*. Proses *pengguguran* berlaku pada FN subjek dalam ayat tunggal (iii) kerana sama dengan predikat ayat tunggal (ii), manakala predikat ayat tunggal (iii) juga mengalami *pengguguran* dan digantikan dengan kata relatif *yang* melalui *transformasi relativisasi*.


6. Afidah bertanya dengan mata penuh mencari-cari. (b 11, h. 121.35)

Ayat di atas tidak gramatis kerana menggunakan KKT, iaitu *mencari-cari* yang tidak mempunyai objek. Oleh itu, FN objek mesti hadir selepas KKT *mencari-cari* seperti *jawapan* sebagai objek. Ayat betulnya ialah :

Afidah bertanya dengan mata penuh mencari-cari [jawapan].

Ayat di atas ialah ayat tunggal yang mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat seperti rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 6a.



7. Lama setelah ia menghilang, Aziz menyusurinya perlahan-lahan dengan mata mencari-cari. (b 11, h. 123.20)

Ayat di atas tidak gramatis kerana terdapat penggunaan KKT, iaitu *mencari-cari* yang tidak diikuti oleh FN objek. Dalam ayat di atas, objek yang sesuai ialah *Afidah*. Ayat yang betul ialah :


Lama setelah ia menghilang, Aziz menyusurinya perlahan-lahan dengan mata mencari-cari [Afidah].

Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terdiri daripada dua ayat tunggal :

- i) Aziz menyusurinya perlahan-lahan.
- ii) Matanya mencari-cari [Afidah].
- iii) Ia menghilang.

Kedua-dua ayat di atas telah mengalami proses transformasi tertentu, iaitu proses *pendepanan* ayat tunggal (iii), *Lama setelah ia menghilang*. Kedua-dua ayat tunggal ini digabungkan dengan menggunakan tanda *koma*. Selain itu, proses *pendepanan sebahagian predikat* ayat tunggal (iii) berlaku apabila unsur tersebut dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (iii). Seterusnya, keseluruhan ayat tunggal (iii) dibawa ke hadapan ayat tunggal (i). Proses transformasi yang berlaku dalam ayat di atas ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 7a.



4.8.2 AYAT YANG MENGANDUNG DUA KESALAHAN BAHASA DAN ATAU LEBIH

Hasil dapatan sampel, penyimpangan sintaksis yang melibatkan dua penyimpangan bahasa dan atau lebih merangkumi penyimpangan seperti yang berikut :

- i) kata sendi nama + bentuk jamak
- ii) imbuhan + kata kerja
- iii) imbuhan + kata sendi nama
- iv) kata hubung + kata kerja
- v) kata pemerl + kata sendi nama

Di bawah ini disenaraikan penyimpangan sintaksis yang melibatkan dua kesalahan bahasa atau lebih.

1. Rintik hujan masih berlanjutan dan dari pengalaman-pengalaman lalu, hujan sedemikian selalunya memanjang. (b 6, h. 52.1)

Terdapat dua kesalahan bahasa dalam ayat ini. Penggunaan kata sendi nama *dari* dalam ayat di atas tidak betul. *Dari* digunakan di hadapan frasa nama atau kata nama yang menyatakan arah, tempat, dan masa atau waktu.²³ Tetapi dalam ayat ini kata *dari* diikuti oleh kata *pengalaman-pengalaman* yang tidak menunjukkan fungsi *dari* di atas. Oleh itu, *dari* perlu ditukarkan kepada kata sendi yang betul, iaitu *daripada*.

Kesalahan kedua melibatkan penggunaan bentuk jamak. Dalam ayat di atas, kata *pengalaman* tidak perlu digandakan atau dijamakkan kerana kata

²³ Nik Safiah Karim et al. *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 255.

pengalaman itu sendiri telah mendukung atau membawa maksud jamak. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Rintik hujan masih berlanjutan dan daripada pengalaman lalu, hujan sedemikian selalunya memanjang.

Ayat ini terdiri daripada dua konstituen ayat tunggal :

- i) Rintik hujan masih berlanjutan.
- ii) Hujan sedemikian selalunya memanjang daripada pengalaman lalu.

Kedua-dua ayat di atas kemudiannya digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 1a.



Berpandukan rajah pohon di atas, berlaku proses transformasi dalam pembentukan ayat tersebut. Ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan untuk membentuk ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Dalam ayat ini juga berlaku *proses pendepanan sebahagian predikat* ayat (ii), iaitu frasa keterangan *daripada pengalaman lalu* dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (ii).

2. Syed Fikri merasa tidak adil untuk datang mengambil saja; orang datang untuk memberi juga. (b 6, h. 54.12)

Dalam ayat 2, terdapat tiga kesalahan yang telah dikesan. Pertama, kata *merasa* tidak tepat imbuhanya. Kata *rasa* dalam konteks ayat di atas sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *ber-* dan bukannya *me-*. *Berasa* bermaksud *mempunyai rasa di dalam hati* manakala *merasa* pula bermaksud *mengalami rasa dengan lidah atau dengan tubuh*.²⁴ Kata *mengambil* dalam ayat di atas berfungsi sebagai KKT. Oleh itu, KK *mengambil* mesti diikuti oleh FN atau KN sebagai objek. Kata *saja* yang mendahului KK mengambil bukanlah KN. Begitu juga dengan kata *memberi* yang berfungsi sebagai KKT mestilah diikuti oleh objek. Ayat di atas setelah dibetulkan akan menjadi ayat berikut:

Syed Fikri berasa tidak adil untuk datang mengambil [sesuatu] saja; orang datang untuk memberi [sesuatu] juga.


²⁴ Kamus Dewan. Hlm. 1106.

Ayat di atas ialah ayat majmuk pancangan keterangan yang terdiri daripada dua ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat ini. Ayat-ayat tunggal itu adalah seperti yang di bawah :

- i) Syed Fikri berasa tidak adil untuk datang mengambil [sesuatu] saja.
- ii) Orang datang untuk memberi [sesuatu] juga.

Kedua-dua ayat di atas kemudiannya digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti dalam rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 2a.



3. Sepatutnya dia dapat turut mengembang dan menyebarkan gerakan semangat reformasi Islam; sepatutnya dia menyampaikan bahagian-

bahagian penting dari al-Imam yang dibacanya, atau turut membincangkan tentang hadis-hadis sah atau tentang amalan tarekat Naksyabandi. (b 6, h. 54.21)

Ayat 3 tidak gramatis. Terdapat tiga kesalahan yang dapat dikesan. Dalam ayat di atas, frasa *mengembang* dan *menyebarluaskan semangat* tidak tepat penggunaannya. KK *mengembang* sebagai KK yang pertama sepatutnya menerima imbuhan yang sama seperti perkataan yang mendahuluinya, iaitu *menyebarluaskan* kerana penggunaan akhiran -kan yang dikekalkan pada perkataan pertama apabila dua perkataan yang diimbuhkan dengan akhiran -kan itu digabungkan ke dalam satu predikat.

Dalam ayat ini juga terdapat KKT, iaitu *membincangkan* tetapi tidak diikuti oleh objek. Selepas KKT itu ialah kata *tentang* yang berfungsi sebagai KSN. Kata sendi *tentang* sepatutnya digugurkan sahaja dalam konteks ayat ini kerana kata *hadis* yang mengikutinya ialah KN yang boleh berfungsi sebagai objek. Penggunaan KSN *dari* juga tidak betul. Dalam frasa *menyampaikan bahagian-bahagian penting dari al-Imam yang dibacanya*, KSN *daripada* sepatutnya digunakan kerana *dari* dalam frasa di atas tidak berdasarkan penggunaannya yang betul. Ayat tersebut setelah dibetulkan menjadi ayat yang berikut:

Sepatutnya dia dapat turut mengembangkan dan menyebarluaskan gerakan semangat reformasi Islam; sepatutnya dia menyampaikan bahagian-bahagian


penting daripada al-Imam yang dibacanya, atau turut membincangkan hadis-hadis sah atau amalan tarekat Naksyabandi.

Ayat ini ialah ayat majmuk yang terdiri daripada 6 ayat tunggal. Ayat tunggal itu adalah seperti yang berikut :


- i) Dia dapat turut mengembangkan gerakan semangat reformasi Islam sepatutnya.
- ii) Dia dapat turut menyebarkan gerakan semangat reformasi Islam sepatutnya.
- iii) Dia menyampaikan bahagian-bahagian penting daripada al-Imam.
- iv) Al-Imam itu dibacanya.
- v) Dia turut membincangkan hadis-hadis sah.
- vi) Dia turut membincangkan amalan tarekat Naksyabandi.

Keenam-enam ayat tunggal itu kemudiannya mengalami proses transformasi tertentu, iaitu *proses penggabungan*, *proses pendepan* sebahagian predikat, *proses pengguguran* dan *proses relativisasi* seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.


Rajah pohon 3a.



Rajah pohon 3b.



Rajah pohon 3c.



Kesemua ayat 3c telah mengalami proses transformasi, iaitu proses *penggabungan* ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Dalam proses penggabungan ini juga telah berlaku proses *pengguguran* frasa nama subjek dalam ayat tunggal (ii) kerana subjek yang sama dengan ayat tunggal (i) dan pengguguran sebahagian predikat dalam ayat tunggal (ii). Proses *pendepanan sebahagian predikat* juga berlaku, iaitu kata *sepatutnya* telah dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (i). Proses *relativisasi* juga berlaku pada ayat tunggal (iii) dan ayat tunggal (iv). Proses ini telah mengakibatkan subjek ayat tunggal (iv) digugurkan dan digantikan dengan kata relatif *yang*. Ayat tunggal (v) dan ayat tunggal (vi) pula telah mengalami proses *penggabungan* dan juga proses *pengguguran*. Proses penggabungan ayat tunggal (v) dan ayat tunggal (vi) dilakukan dengan menggunakan kata hubung

gabungan *atau*, manakala subjek frasa nama ayat tunggal (vi) digugurkan dan digantikan dengan kata relatif *yang*.

4. Di antara mereka yang berbual dengannya di surau, dia perhatikan Tuk Marzuki yang lebih cenderung kepada soal-soal kebajikan dan kerohanian ini.
(b 6, h. 54.35)

Ayat ini tidak gramatis. Penggunaan kata sendi *di antara* tidak betul. Kata sendi *di* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat.²⁵ Penggunaan kata *antara* sebagai kata arah yang mengikuti kata sendi nama *di* untuk menunjukkan hala atau tujuan.²⁶ Dalam ayat ini kata *antara* berfungsi sebagai kata sendi yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.²⁷ Dengan itu, kata *antara* tidak perlu diikuti oleh kata sendi nama *di*.

Dalam ayat ini, kata *perhatikan* tidak betul penggunaan imbuhananya. Kata itu sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-*. Dalam hal ini, huruf pertama dalam kata dasar berubah menjadi bentuk sengau yang sama daerah artikulasinya, iaitu *m* bagi *p*.²⁸ Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

²⁵ Nik Safiah Karim et al. *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 252.

²⁶ Ibid. Hlm. 271.

²⁷ Ibid. Hlm. 270.

²⁸ Ibid. Hlm. 147.


Antara mereka yang berbual dengannya di surau, dia memerhatikan Tuk Marzuki yang lebih cenderung kepada soal-soal kebajikan dan kerohanian ini.

Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terbentuk daripada gabungan beberapa ayat tunggal iaitu

- i) Dia memerhatikan Tuk Marzuki. (Ayat induk)
- ii) Tuk Marzuki lebih cenderung kepada soal-soal kebajikan. (Ayat kecil 1)
- iii) Tuk Marzuki lebih cenderung kepada soal-soal kerohanian. (Ayat kecil 2)
- iv) Mereka berbual dengannya di surau. (Frasa keterangan)

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas telah mengalami tiga proses transformasi. Pertama, ayat kecil 1 dipancangkan ke dalam ayat induk melalui *proses relativisasi*, iaitu dengan menggunakan penanda relatif *yang*. Kemudian, ayat kecil 2 dipancangkan ke dalam ayat kecil 1 dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Ketiga, frasa keterangan *antara mereka yang berbual dengannya di surau* diletakkan di hadapan subjek ayat (i). Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam penghasilan ayat di atas.

Rajah pohon 4a.



5. Di antara pertanyaan dan jawapan itu, suara orang mengaji mula bersambung dan memuncak semula. (b 6, h. 55.25)

Ayat 5 tidak gramatis kerana penggunaan kata tugas, iaitu kata hubung gabungan *dan* yang tidak betul.²⁹ Kata *dan* berfungsi menggabungkan dua unsur yang setara. Tetapi dalam ayat di atas, frasa *Di antara pertanyaan dan jawapan itu*, kata *dan* sepatutnya digugurkan dan digantikan dengan kata *dengan* yang berfungsi sebagai kata sendi nama yang menyatakan keadaan perbandingan.³⁰ Selain itu, KKT yang digunakan dalam ayat di atas tidak diikuti oleh objek. KKT tersebut ialah *mengaji*. Ayat di atas setelah dibetulkan menjadi ayat seperti yang berikut :

Di antara pertanyaan dengan jawapan itu, suara orang mengaji al-Quran mula bersambung dan memuncak semula.

Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terbina daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu


- i) Suara orang mengaji al-Quran mula bersambung.
- ii) Suara orang mengaji mula memuncak semula di antara pertanyaan dengan jawapan itu.

Kedua-dua ayat tunggal di atas kemudiannya digabungkan melalui proses transformasi tertentu seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.


²⁹ *Ibid.* Hlm. 239.

³⁰ *Ibid.* Hlm. 267.


Rajah pohon 5a.



Rajah pohon 5b.



Rajah pohon 5c.



Rajah pohon di atas jelas menunjukkan proses transformasi yang berlaku dalam ayat di atas. Pertama, ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Kedua, *proses pendepan sebahagian predikat* berlaku dalam ayat tunggal (ii) apabila frasa keterangan itu dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (i).

6. Dari jauh lagi Aziz dapat mengenali di antara orang-orang yang berjalan itu ialah Syed Fikri. (b 6, h. 56.26)

Terdapat tiga kesalahan bahasa dalam ayat di atas. Penggunaan frasa sendi *di antara* dalam ayat di atas tidak sesuai. Menurut *Tatabahasa Dewan*, kata sendi nama *di* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat.³¹ Perkataan *antara* berfungsi sebagai *kata sendi nama* dapat juga berfungsi sebagai *kata arah* yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.³² Dengan itu, kata sendi *di* bagi frasa *di antara*, perlu digugurkan. Kesalahan bahasa yang kedua ialah kesalahan penggunaan *bentuk jamak*. Frasa *antara orang-orang* dalam ayat di atas tidak betul. Dalam frasa ini, kata *antara* sudah mendukung maksud jamak. Oleh itu, kata selepasnya tidak perlu digandakan. Frasa itu sepatutnya menjadi *antara orang* sahaja. Kesalahan ketiga ialah kata *mengenali* dalam ayat di atas berfungsi sebagai kata kerja transitif. Oleh itu, selepas kata kerja *mengenali* mesti diikuti oleh objek. Tetapi dalam ayat di atas, selepas kata *mengenali* diikuti oleh kata sendi, iaitu *antara*. Untuk membetulkannya struktur predikat ayat di atas perlu disusun semula. Kata nama *Syed Fikri* yang terletak di hujung predikat telah dibawa ke hadapan, iaitu diletakkan selepas kata kerja *mengenali*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Dari jauh lagi Aziz dapat mengenali Syed Fikri antara orang yang berjalan itu.


Ayat di atas ialah ayat tunggal yang telah mengalami proses transformasi. Ayat

³¹ *Ibid.* Hlm. 252.

³² *Ibid.* Hlm. 270.

dasarnya ialah *Aziz dapat mengenali Syed Fikri*. Kemudian ayat ini disisipkan dengan frasa *dari jauh lagi*. Seterusnya klausa *antara orang yang berjalan itu* pula disisipkan selepas predikat ayat di atas. Proses transformasi yang berlaku dalam pembentukan ayat di atas ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 6a.



7. Aziz tidak dapat tangkap semua isi rungutannya itu, tapi itulah kali pertama dia melihat Syed Fikri berlainan sedikit dari biasa. (b 6, h. 57.1)

Ayat di atas tidak gramatis kerana mengandung dua kesalahan bahasa. Pertama, kata *tangkap* dalam ayat di atas tidak betul penggunaannya. Kata *tangkap* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan kata kerja transitif *me-*. Dengan ini, *me- + tangkap = menangkap*. Proses peleburan fonem menyebabkan kata dasar

t berubah menjadi *n*.³³ Kedua, ialah kesalahan penggunaan kata sendi *dari*. Telah dijelaskan terdahulu, kata sendi *dari* digunakan untuk menyatakan arah, tempat, atau waktu atau masa, manakala sendi nama *daripada* digunakan untuk menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda.³⁴ Frasa *berlainan sedikit dari biasa*, sepatutnya menjadi *berlainan sedikit daripada biasa*. Ayat yang betul ialah

Aziz tidak dapat menangkap semua isi rungutannya itu, tapi itulah kali pertama dia melihat Syed Fikri berlainan sedikit daripada biasa.

Ayat di atas terbentuk daripada dua konstituen ayat tunggal iaitu


- i) Aziz tidak dapat menangkap semua isi rungutannya.
- ii) Dia melihat Syed Fikri berlainan sedikit daripada biasa.

Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam menghasilkan ayat majmuk di atas.

³³ *Ibid.* Hlm. 147.

³⁴ *Ibid.* Hlm. 255-256.

Rajah pohon 7a.



Rajah pohon 7a di atas menunjukkan bahawa ayat tunggal (i) digabungkan dengan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung gabungan *tapi*.

8. Selain dari Tuk Marzuki, Aziz merasakan Syed Fikrilah salah seorang tua di kawasan itu yang memberikan perhatian yang baik kepada kebajikan penduduk-penduduk di situ. (b 6, h. 59.27)

Terdapat dua kesalahan bahasa dalam ayat di atas. Pertama, penggunaan kata sendi *dari* dalam frasa *Selain dari Tuk Marzuki* tidak betul penggunaannya. Kata sendi *dari* sepatutnya digugurkan sahaja supaya frasa itu menjadi *selain Tuk*

Marzuki. Kesalahan kedua, wujud penyimpangan penggunaan bentuk jamak. Kata atau perkataan dalam frasa *kebajikan penduduk-penduduk* sebenarnya sudah mendukung maksud jamak. Oleh itu, kata *penduduk* tidak perlu dijamakkan. Frasa itu sepatutnya menjadi *kebajikan penduduk*. Ayat yang betul ialah


Selain Tuk Marzuki, Aziz merasakan Syed Fikrilah salah seorang tua di kawasan itu yang memberikan perhatian yang baik kepada kebajikan penduduk di situ.

Ayat 8 ialah ayat majmuk yang terdiri daripada dua ayat tunggal seperti yang berikut :

- i) Aziz merasakan Syed Fikrilah salah seorang tua di kawasan itu
- ii) Syed Fikri salah seorang tua di kawasan itu memberikan perhatian yang baik kepada kebajikan penduduk di situ
- iii) Frasa keterangan : Selain Tuk Marzuki

Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam menghasilkan ayat 8.

Rajah pohon 8a.



Proses pendepan sebahagian predikat

Ayat 8a telah mengalami proses transformasi tertentu. Pertama ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan penanda relatif *yang* melalui proses transformasi *relativisasi*. Melalui proses ini, subjek ayat tunggal (ii) digugurkan kerana sama dengan predikat ayat tunggal (i) dengan menggunakan *yang*. Proses transformasi kedua, ialah berlakunya proses *pendepan sebahagian predikat* yang melibatkan frasa keterangan. Frasa keterangan *selain Tuk Marzuki* dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (i).

9. ... Syed Fikri telah menjelaskan tentang perbuatan-perbuatan yang direla dan diredhai Allah dengan perbuatan-perbuatan yang dimurkai dan dikutuknya. (b 6, h. 60.29)

Ayat 9 tidak gramatis kerana menggunakan KKT tetapi tidak diikuti oleh FN atau KN sebagai objek. KKT *menjelaskan* diikuti oleh kata sendi nama *tentang*. Sepatutnya KSN *tentang* digugurkan sahaja kerana kata tersebut diikuti oleh KN yang boleh berfungsi sebagai objek. Kesalahan lain, KK *dikutuknya* tidak betul penulisannya. Kata ganti diri ketiga, *nya* dalam ayat ini ialah kata ganti diri untuk Tuhan. Menurut *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, kata ganti singkat *nya* bagi nama Tuhan menggunakan huruf besar sebagai huruf pertama dan ditulis dengan menggunakan tanda sempang (-).³⁵ Kesalahan ketiga melibatkan penggunaan bentuk jamak. Dalam ayat tersebut, frasa *Syed Fikri telah menjelaskan perbuatan-perbuatan yang dimurkai* tidak perlu digandakan kata *perbuatan* kerana kata *menjelaskan* sudah mendukung maksud jamak. Selain itu, kata *direla* tidak tepat pengimbuhannya. Kata direla sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan apitan *di- ... -i* agar menjadi *direlai* dan sama dengan bentuk imbuhan kata yang mengikutinya, iaitu *diredhai*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

³⁵ *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*. 1984. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. xxxiii.


... Syed Fikri telah menjelaskan perbuatan yang direlai dan diredhai Allah dengan perbuatan yang dimurkai dan dikutuk-Nya.

Ayat ini ialah ayat majmuk yang terdiri daripada empat ayat tunggal, iaitu


- i) Syed Fikri telah menjelaskan perbuatan-perbuatan yang direlai Allah.
- ii) Syed Fikri telah menjelaskan perbuatan-perbuatan yang diredhai Allah.
- iii) Perbuatan itu dikutuk Allah.
- iv) Perbuatan itu dimurkai Allah.

Keempat-empat ayat tunggal tersebut kemudiannya telah mengalami proses transformasi tertentu, seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.


Rajah pohon 9a.



Rajah pohon 9b.



Rajah pohon 9c.



10. Kawasan sebelah sungai dan beberapa kawasan di tepi laut sudah mula ditinggalkan orang kerana ia tidak memberi dan membayangkan sebarang rezeki lagi. (b 11, h. 113.21)

Ayat ini tidak gramatis kerana terdapat dua kesalahan bahasa. Dalam bahasa Melayu, tidak ada kata ganti untuk benda. Dalam konteks ini, *ia* digunakan bagi benda oleh sebab dalam bahasa Inggeris ada kata ganti diri *it* untuk merujuk benda. Tetapi ini menyalahi nilai orang Melayu yang menetapkan kata ganti *ia* hanya untuk manusia.³⁶ Dengan itu, penggunaan *ia* menggantikan benda seharusnya digugurkan sekiranya tidak menjelaskan struktur ayat atau diulang istilah yang telah digunakan pada peringkat awal atau digantikan dengan perkataan lain yang sesuai untuk mewakili benda yang dimaksudkan.

Kesalahan kedua melibatkan penggunaan imbuhan. Dalam ayat di atas, kata *memberi* tidak betul imbuhananya. Kata *beri* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan apitan *mem- ... -kan*. Dengan itu, *mem - + beri + -kan = memberikan*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Kawasan sebelah sungai dan beberapa kawasan di tepi laut sudah mula ditinggalkan orang kerana tidak memberikan dan membayangkan sebarang rezeki lagi.


³⁶ Awang Sariyan. 1985. *Kunci Bahasa Malaysia*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd. Hlm. 68.


Ayat 10 merupakan ayat transformasi yang terdiri daripada empat konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Kawasan sebelah yang sudah mula ditinggalkan orang.
- ii) Kawasan di tepi laut sudah mula ditinggalkan orang.
- iii) Kawasan itu tidak memberikan sebarang rezeki lagi.
- iv) Kawasan itu tidak membayangkan sebarang rezeki lagi.

Keempat-empat ayat tunggal tersebut telah mengalami proses transformasi, iaitu proses menggabungkan ayat tunggal (i) dengan ayat tunggal (ii) dan ayat tunggal (iii) dengan ayat tunggal (iv) dengan menggunakan kata hubung gabungan, iaitu *dan* manakala ayat tunggal (ii) digabungkan dengan ayat tunggal (iii) dengan menggunakan kata hubung puncangan keterangan, iaitu *kerana*. Selain itu, berlaku juga proses *pengguguran sebahagian predikat* dalam ayat di atas, iaitu *telah mula ditinggalkan orang*. Rajah pohon 10a di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam penghasilan ayat 10.

Rajah pohon 10a.





11. Walaupun yang Aziz juga tidak pernah dijumpainya, tapi, Afidah pula pernah mendengar dari Joyah, Aziz tidak banyak kurang miripnya dari ayahnya sendiri. (b 11, h. 116.33)

Ayat 11 tidak gramatis. Terdapat tiga kesalahan yang dikesan. Kata *mendengar* dalam ayat ini ialah KKT yang sepatutnya diikuti oleh objek. Tetapi, selepas KKT *mendengar* diikuti oleh KSN *dari*. Penggunaan KSN juga tidak tepat. Frasa *dari Joyah* dan *dari ayahnya* salah penggunaannya. Menurut *Tatabahasa Dewan*, KSN dari digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan arah, tempat atau

waktu atau masa sedangkan KSN daripada hanya digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan atau benda.³⁷ Oleh itu, frasa *dari Joyah* sepatutnya menjadi *daripada Joyah* dan *dari ayahnya* pula menjadi *daripada ayahnya*. Ayat yang betul ialah :

Walaupun yang Aziz juga tidak pernah dijumpainya, tapi, Afidah pula pernah mendengar kata-kata daripada Joyah, Aziz tidak banyak kurang miripnya daripada ayahnya sendiri.


Ayat 11 ialah ayat majmuk yang terdiri daripada beberapa ayat tunggal seperti yang berikut :

- i) Aziz juga tidak pernah dijumpainya.
- ii) Afidah pula pernah mendengar kata-kata daripada Joyah.
- iii) Aziz tidak banyak kurang miripnya daripada ayahnya sendiri.


Ketiga-tiga ayat tunggal tersebut digabungkan menjadi ayat majmuk. Terdapat beberapa proses transformasi yang berlaku dalam ayat tunggal di atas, seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah :

³⁷ Nik Safiah Karim et al. *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 255.


Rajah pohon 11a.



Rajah pohon 11b.



Rajah pohon 11c.



Berpandukan rajah pohon 11c, ketiga-tiga ayat tunggal ini telah digabungkan untuk membentuk ayat majmuk melalui proses transformasi tertentu. Ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan, iaitu *tapi*, manakala ayat tunggal (ii) digabungkan dengan ayat tunggal (iii) dengan menggunakan tanda *koma*.

12. Segala-gala ini adalah bayangan dari keresahan dalam dirinya, memikirkan dan mencari jalan bagaimana hendak mengatasi masalah yang mulai menjadi semakin rumit baginya sekarang. (b 11, h. 117.19)

Ayat 12 mengandung dua kesalahan bahasa. Pertama, terdapat kesalahan penggunaan *kata pemeri*. *Kata pemeri* yang digunakan, iaitu pada frasa *segala-gala ini adalah bayangan*. Menurut *Tatabahasa Dewan*, *kata pemeri adalah*

digunakan secara huraian atau kualitatif yang hadir di hadapan frasa adjektif atau frasa sendi nama.³⁸ Daripada keterangan ini, penggunaan *kata pemeri* dalam frasa tersebut adalah tidak tepat. Kata pemeri *adalah* sepatutnya digantikan dengan kata pemeri *ialah*.

Kedua, terdapat penggunaan kata sendi nama yang tidak betul, iaitu kata sendi *dari*. Kata sendi *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, dan masa atau waktu.³⁹ Tetapi dalam ayat tersebut, *dari* tidak digunakan untuk tujuan yang betul. Penggunaan kata sendi *dari* mesti ditukarkan kepada kata sendi *daripada*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Segala-gala ini ialah bayangan daripada keresahan dalam dirinya, memikirkan dan mencari jalan bagaimana hendak mengatas masalah yang mulai menjadi semakin rumit baginya sekarang.

13. Aziz menggeleng-geleng, tapi di kepalanya dia masih ternampak Rosiah yang selama ini dikenal alim dan sopan santun. (b 11, h. 122.1)

Ayat 13 tidak gramatis kerana terdapat dua kesalahan bahasa. Pertama, frasa *selama ini dikenal alim* tidak sesuai bentuknya. Sepatutnya frasa ini menjadi

³⁸ Ibid. Hlm. 250.

³⁹ Ibid. Hlm. 255.

selama ini dikenali alim. Kata sopan santun juga sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan ber- agar berfungsi sebagai KKT. Ayat yang betul adalah seperti yang dibawah:


Aziz menggeleng-geleng , tapi di kepalanya dia masih ternampak Rosiah yang selama ini dikenali alim dan bersopan santun.

Ayat 13 ialah ayat majmuk yang terdiri daripada empat ayat tunggal seperti yang berikut :


- i) Aziz menggeleng-geleng.
- ii) Dia masih lagi ternampak Rosiah di kepalanya.
- iii) Rosiah selama ini dikenali alim.
- iv) Rosiah selama ini bersopan santun.

Keempat-empat ayat tunggal tersebut bercantum membentuk ayat majmuk campuran. Proses yang berlaku dalam pembentukan ayat ini ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah :

Rajah pohon 13a.



Rajah pohon 13b.



Ayat 13a dan 13b telah mengalami proses transformasi, iaitu proses *penggabungan* antara ayat tunggal (i) dengan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung *tapi*. Ayat tunggal (iii) dan ayat tunggal (iv) digabungkan dengan menggunakan kata hubung *dan*. Proses *pengguguran* FN subjek dalam ayat tunggal (iii) dan (iv) digantikan dengan kata relatif *yang* melalui proses *transformasi relativisasi*.

4.8.3 AYAT YANG TIDAK MENGANDUNG SUBJEK dan ATAU PREDIKAT

Dalam kategori ini, hanya terdapat satu penyimpangan sintaksis sahaja. Di bawah ini disenaraikan penyimpangan sintaksis yang melibatkan kategori di atas.


1. Sama ada itu benar atau tidak diperhitungkan sangat sekarang. (b 6, h. 52.25)

Ayat 1 tidak gramatis kerana strukturnya tidak betul, iaitu tidak mempunyai subjek. Jika dibaca, ternyata ada perkataan yang *tertinggal* yang menyebabkan terasa janggal apabila membacanya. Ayat di atas mungkin hanya berfungsi sebagai *klausa keterangan* sahaja. Untuk membetulkan ayat di atas, subjeknya mesti ada dan strukturnya dibetulkan. Ayat yang betul adalah seperti di bawah.

Kenyataan itu sama ada benar atau tidak, tidak diperhitungkan sangat sekarang.

Ayat 1 ialah ayat tunggal yang boleh dijelaskan berpandukan rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 1a.



4.8.4 AYAT YANG MENGANDUNG PENYIMPANGAN LAIN

Terdapat satu sahaja penyimpangan sintaksis dalam kategori ini, iaitu melibatkan struktur ayat yang tidak lengkap. Yang berikut ialah penyimpangan sintaksis kategori di atas.

1. Selain daripada suara orang membaca Yasin dan ayat-ayat Quran lainnya, tidak terdengar suara lain. (b 6, h. 52.11)

Ayat ini tidak gramatis kerana strukturnya tidak betul. Dalam ayat ini, klausa *selain daripada suara orang membaca Yasin* sepatutnya tidak perlu

menggunakan kata sendi *daripada*. Kata sendi *daripada* dalam konteks ini salah penggunaannya. Kata sendi *daripada* sepatutnya digugurkan. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Selain suara orang membaca Yasin dan ayat-ayat Quran lainnya, tidak terdengar suara lain.

Ayat ini ialah ayat majmuk yang terbentuk daripada tiga konstituen ayat tunggal iaitu


- i) Suara itu suara orang membaca Yasin.
- ii) Suara itu suara orang membaca ayat-ayat Quran lainnya.
- iii) Tidak terdengar suara lain selain itu.

Ketiga-tiga ayat tunggal tersebut mengalami proses transformasi. Pertama ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Kedua ayat tunggal (ii) dan ayat tunggal (iii) digabungkan dengan menggunakan tanda *koma*. Ketiga, berlakunya proses pendepan sebahagian predikat, iaitu *selain itu* dalam ayat tunggal (iii). Frasa *selain itu* dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (i). Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam menghasilkan ayat 1.


Rajah pohon 1a.




Rajah pohon 1b.



Rajah pohon 1c.



Rajah pohon 1d.



4.9 RUMUSAN

Berdasarkan penjelasan dan huraian di atas, dapat dilihat pola atau jenis penyimpangan bahasa *Di Hadapan Pulau* di samping ditunjukkan kekerapan dan peratusan setiap pola penyimpangan berpandukan jadual, sebab wujudnya penyimpangan serta bentuk atau visualnya mengikut rumus.

Seperti yang dijelaskan dalam Bab 3, penyimpangan bahasa ada kaitan dan pertaliannya dengan sudut pandangan. Penggunaan sudut pandangan orang ketiga dalam *Di Hadapan Pulau* akan memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih berhati-hati. Setiap watak lebih cenderung untuk mengambil kira segala peraturan berbahasa kerana situasi dan keadaannya lebih bersifat formal. Kecenderungan untuk menyimpangkan penggunaan bahasa mungkin sedikit atau kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan penggunaan sudut pandangan orang pertama.

Dalam *Di Hadapan Pulau*, A. Samad Said telah menggunakan sudut pandangan orang ketiga tidak terbatas atau serba tahu. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1, dalam sudut pandangan ini, pengarang berada di luar diri watak dan pengetahuan pengarang tentang setiap watak itu tidak terbatas. Pengarang kenal akan setiap segi watak itu dari hujung kaki hingga hujung rambut, malah pengarang tahu akan isi hati, perasaan, dan segala-galanya tentang watak yang dituliskan. Dalam menggunakan sudut pandangan orang ketiga, pengarang tidak sepatutnya menggunakan bahasa semahu-mahunya tanpa mempersoalkan susuk sesuatu bahasa itu. Pengarang seharusnya lebih berhati-hati dari segi penggunaan bahasa kerana situasi penggunaan bahasanya berbentuk formal.